



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4, (20)
Tarikh : 11 Mei 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MMC 26477)
Deputy Director General of Health
(Public Health)
Ministry of Health Malaysia
19/5

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 18/2021 (2 Mei hingga 8 Mei 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 18/2021 dari 2 Mei hingga 8 Mei 2021)

Pada minggu ke-18, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 16 kes (3.5%), menjadikan jumlah kes 445 berbanding 461 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-18. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 9,715 kes berbanding 40,397 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak 76% (30,682 kes), manakala kumulatif kematian kekal lima (5) kematian berbanding 68 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak 63 kematian (92.6%) **(Lampiran A & C)**. Pada minggu ke-18, sebanyak lima (5) lokaliti hotspot Denggi dilaporkan berbanding dua (2) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dan kesemua lokaliti tersebut berada di Negeri Selangor **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya melaporkan sebanyak 18 kes pada minggu ke-18 dengan 10 kes dari Johor, masing-masing dua (2) kes dari Perak dan Melaka serta masing-masing satu (1) kes dari Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan WPKL & Putrajaya. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 476 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 525 sampel darah dan 17 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Pergerakan masyarakat ketika keluar bekerja atau ketika membeli barang keperluan untuk persediaan sambutan hari raya mengundang risiko digigit nyamuk Aedes terutama bagi masyarakat yang berada di kawasan wabak Denggi. Oleh itu, cegahlah gigitan nyamuk dengan menggunakan repelan ketika keluar rumah atau pakai pakaian yang menutup anggota tubuh. Teruskan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan Aedes di persekitaran kediaman serta pastikan bekas terpakai seperti tempurung kelapa, buluh lemang atau sebarang bekas terpakai yang lain dilupuskan secara berhemah. Jagalah diri, keluarga dan kejiranan kita dari ancaman bahaya Demam Denggi. Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
18 Mei 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 17 dan ke- 18 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 18 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-17 tahun 2021

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 18/2021
(2 Mei hingga 8 Mei 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 18/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 18/2020	
		Minggu 18 (2 Mei – 8 Mei 2021)		Minggu 17 (25 April – 1 Mei 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	1	0	5	0	19	0
2	Kedah	11	0	9	0	142	0	356	0
3	P. Pinang	6	0	5	0	172	0	328	1
4	Perak	16	0	8	0	223	0	1,351	1
5	Selangor	272	0	266	0	5,503	1	24,112	27
6	WP KL & Putrajaya	47	0	57	0	1,066	1	3,467	4
7	N. Sembilan	8	0	14	0	247	1	939	2
8	Melaka	7	0	14	0	330	0	768	4
9	Johor	36	0	56	0	923	1	3,397	12
10	Pahang	6	0	5	0	213	1	1,017	3
11	Terengganu	0	0	0	0	17	0	119	0
12	Kelantan	1	0	1	0	92	0	1,483	2
13	Sarawak	10	0	7	0	172	0	922	2
14	Sabah	24	0	17	0	606	0	2,115	10
15	WP Labuan	0	0	1	0	4	0	4	0
	MALAYSIA	445	0	461	0	9,715	5	40,397	68

Lampiran D**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 18/2021
(2 Mei hingga 8 Mei 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni 2&3 Saujana Impian	19	76
2	SELANGOR	Kuala Selangor	Desa Coalfield (2/1-2/9)	32	55
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni Saujana Impian	20	41
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 10-20 Taman Kantan Permai	9	37
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sutera 2 Taman Sutera	16	34

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 18/2021 (8 Mei 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	3	53
		Kluang	1	
		Muar	4	
		Segamat	15	
		Tangkak	30	
2.	Kedah	Baling	1	83
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	54	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	11
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	4	
4.	Melaka	Alor Gajah	1	17
		Melaka Tengah	16	
5.	Perak	Kinta	3	126
		Kuala Kangsar	16	
		Larut Matang & Selama	17	
		Manjung	90	
6.	Pulau Pinang	Barat Daya	12	23
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	2	
7.	Selangor	Gombak	4	72
		Hulu Langat	17	
		Klang	50	
		Petaling	1	
8.	WP Kuala Lumpur	Kepong	72	91
		Lembah Pantai	3	
		Titivangsa	16	
JUMLAH KUMULATIF			476	

